

Parlimen: Malaysia Terima Nota Diplomatik Dari Arab Saudi Ekoran Penganjuran Bersih Di Tanah Suci
Bernama
13 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Kedutaan Arab Saudi telah menghantar nota diplomatik kepada Kementerian Luar Malaysia berikutan tindakan segelintir rakyat Malaysia yang mengadakan perhimpunan Bersih di bandar Saudi Mekah dan Madinah pada 26 April lepas, persidangan Dewan Rakyat diberitahu Rabu.

Timbalan Menteri Luar Senator A Kohilan Pillay berkata tindakan Ketua Dewan Pemuda Pas, Nasrudin Hassan at-Tantawi menganjurkan perhimpunan Bersih di Mekah dan Moktar Senik di Madinah yang membabitkan pelajar serta rakyat Malaysia di negara itu, adalah amat dikesali dan menjejaskan imej negara.

"Tindakan mereka menyaksikan Kedutaan Arab Saudi menghantar nota diplomatik kepada Wisma Putra kerana perbuatan itu melanggar undang-undang Arab Saudi.

"Bagaimanapun, tindakan ke atas mereka tertakluk kepada kerajaan Arab Saudi," katanya.

Isu itu timbul ketika Kohilan menjawab soalan Datuk Juslie Ajirol (BN-Libaran) yang mahu tahu tindakan yang boleh dilakukan oleh kedutaan Malaysia di negara asing terhadap rakyat Malaysia yang sering memutarbelit fakta dan memberi persepsi yang salah terhadap negara sendiri.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=672695>